



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

## NOTIS PRIVASI PEMOHON KERJA DFP

Dikemaskini pada: June 2026

Dewan Filharmonik PETRONAS ("DFP" atau "Kami") komited untuk melindungi dan menghormati privasi anda.

Rujukan kepada "PETRONAS" disini merujuk kepada Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan subsidiarinya dan syarikat-syarikat di bawah kawalannya. Ungkapan "PETRONAS" digunakan untuk kemudahan di mana rujukan dibuat kepada kumpulan syarikat PETRONAS secara umum. Syarikat-syarikat di mana Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) memegang saham secara langsung atau tidak langsung adalah entiti undang-undang yang berasingan.

Ini juga boleh merujuk kepada syarikat-syarikat usaha sama di mana PETRONAS adalah pengusaha yang tidak mengawal dan syarikat-syarikat bersekutu (sebagaimana dan di mana berkenaan).

Notis Privasi Pemohon Kerja ini ("Notis Privasi") ") menerangkan data peribadi yang kami kumpulkan mengenai pekerja, pengarah, pegawai, pekerja atau ahli kakitangan atau personel lain ("pekerja"), bila dan mengapa kami mengumpulkannya, bagaimana kami menggunakannya, keadaan di mana kami mungkin mendedahkannya kepada pihak lain, dan bagaimana kami melindunginya. Sila baca Notis Privasi ini dengan teliti, bersama-sama dengan mana-mana notis privasi yang diberikan pada keadaan tertentu apabila kami mengumpul atau memproses maklumat peribadi anda, untuk memahami pandangan dan amalan kami berhubung dengan data peribadi anda serta bagaimana kami akan mengendalikannya.

### 1. Pengumpulan Data Peribadi

DFP boleh mengumpul, menyimpan, menggunakan, mendedahkan dan memproses data tertentu yang boleh mengenal pasti anda secara individu sebagai seorang pemohon pekerjaan ("Data Peribadi") setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

DFP boleh mengumpul Data Peribadi daripada anda melalui portal kerjaya DFP (contohnya laman sesawang DFP) atau mana-mana platform lain yang berkaitan (contohnya, LinkedIn), bersama-sama dengan apa-apa maklumat yang terkandung dalam mana-mana dokumen yang anda muat naik dan berikan kepada kami untuk menyokong permohonan anda, serta daripada beberapa sumber termasuk rekod awam, bekas majikan, pemberi rujukan anda (seperti yang diberikan kepada kami), agensi pengambilan pekerja, institusi pendidikan, perunding luar, dan sumber lain yang dibenarkan atau diberi kuasa.



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Jika berkenaan bagi tujuan permohonan pekerjaan anda, kami juga mungkin memerlukan anda untuk memberikan Data Peribadi yang berkaitan dengan pemberi rujukan, pasangan, ahli keluarga atau tanggungan lain anda, dan apabila perlu untuk rujukan dan rekod dalaman kami sendiri, dengan persetujuan anda, maklumat berkaitan gaji atau pendapatan terdahulu anda (termasuk dokumentasi atau rekod yang berkaitan). Setakat mana anda telah memberikan (atau akan memberikan) Data Peribadi mengenai pemberi rujukan, pasangan, ahli keluarga atau tanggungan lain anda, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memaklumkan individu tersebut mengenai pemprosesan Data Peribadi mereka oleh DFP bagi tujuan dan dengan cara yang diterangkan dalam Notis Privasi ini. Anda juga mesti memaklumkan mereka mengenai hak akses, pembetulan dan pemadaman mereka mengikut undang-undang yang terpakai dan mesti mendapatkan persetujuan mereka, jika perlu, terhadap pemprosesan dan pemindahan Data Peribadi mereka seperti yang dinyatakan di sini, dan apabila anda telah memberikan (atau akan memberikan) Data Peribadi mengenai gaji atau pendapatan terdahulu anda atau apa-apa maklumat sulit yang berkaitan, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mendapatkan persetujuan majikan terdahulu anda, jika perlu, terhadap pendedahan gaji, pendapatan atau maklumat sulit tersebut seperti yang dinyatakan di sini.

DFP tidak akan mengumpul, menggunakan atau memproses sebarang Data Peribadi yang dilarang oleh undang-undang yang terpakai. Jenis Data Peribadi yang sebenarnya dikumpulkan oleh DFP mungkin berbeza dari satu bidang kuasa ke bidang kuasa yang lain, dan dalam sesetengah bidang kuasa DFP mungkin tidak mengumpul semua kategori Data Peribadi yang disenaraikan di atas.

Selain itu, sebagai tambahan kepada Data Peribadi yang disenaraikan di atas, DFP selaras dengan undang-undang yang terpakai dan dasar DFP, juga boleh mengumpul Data Peribadi Sensitif yang terhad yang termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) maklumat kesihatan fizikal dan/atau perubatan termasuk status vaksinasi (untuk kelulusan pemeriksaan fizikal pra-pekerjaan dan penilaian risiko kesihatan dan keselamatan); (ii) asal usul kaum atau etnik (seperti yang dikehendaki secara sah oleh penyedia perkhidmatan penggajian pihak ketiga); (iii) maklumat berkaitan sabitan jenayah (diproses sebagai sebahagian daripada proses permohonan); (iv) maklumat mengenai kepercayaan agama; dan (v) maklumat mengenai pandangan politik ("Data Peribadi Sensitif").

Melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata, Data Peribadi bagi tujuan Notis Privasi ini termasuk rujukan kepada Data Peribadi Sensitif.



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

## 2. Tujuan Pemprosesan Data Peribadi

DFP mengumpul, menyimpan, menggunakan, mendedahkan atau sebaliknya memproses Data Peribadi untuk tujuan-tujuan yang berikut:

- (a) Pengambilan dan penglibatan, termasuk menilai kesesuaian anda untuk jawatan dalam organisasi, penilaian permohonan kerja, menjalankan pemeriksaan latar belakang dan penyelarasan temu duga;
- (b) Kesihatan, keselamatan dan kesiapsiagaan kecemasan, termasuk pemeriksaan perubatan pra-pekerjaan;
- (c) Bagi tujuan laporan dalaman dan luaran, bagi memenuhi kewajipan laporan kami kepada pihak pengurusan serta kepada badan berkanun dan pengawal selia;
- (d) Pengurusan rekod, termasuk mengekalkan dan mengurus rekod dalaman untuk memastikan dokumentasi yang tepat dan teratur bagi tujuan pentadbiran, undang-undang dan operasi;
- (e) Prosiding undang-undang, termasuk persediaan untuk dan menjalankan prosiding undang-undang serta aktiviti lain yang serupa, mematuhi perintah mahkamah dan menangani sebarang tuntutan atau pertikaian undang-undang;
- (f) Pematuhan peraturan dan kontrak, termasuk memudahkan pematuhan kami terhadap undang-undang, adat dan peraturan yang berkenaan, mematuhi permintaan pihak penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa kerajaan serta memudahkan pelaksanaan kewajipan kontrak kami;
- (g) Bagi tujuan pengesahan dan pemeriksaan keselamatan atau pemantauan latar belakang (setakat yang mana dibenarkan dan selaras dengan undang-undang tempatan).

DFP mungkin menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung, tetapi hanya jika anda telah memberikan persetujuan nyata melalui pilihan khusus untuk pemasaran secara langsung.

Terdapat beberapa keadaan di mana kami memproses Data Peribadi anda bagi kepentingan yang sah atau berdasarkan asas undang-undang lain (contohnya kerana kami perlu memproses Data Peribadi anda untuk menilai permohonan anda atau menyediakan maklumat dan/atau perkhidmatan yang anda minta), tanpa mendapatkan persetujuan anda. Ini terpakai apabila aktiviti pemprosesan kami dikawal oleh undang-undang yang berkenaan di dalam bidang kuasa tertentu yang tidak memerlukan persetujuan jika terdapat asas undang-undang lain untuk memproses Data Peribadi yang berkenaan.

**Kepentingan sah kami mungkin termasuk:**

- (a) tujuan pentadbiran dalaman,
- (b) pemantauan bagi tujuan keselamatan, kesihatan atau pengurusan,
- (c) keselamatan IT dan rangkaian, dan



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

- (d) pemantauan pematuhan DFP terhadap keperluan undang-undang dan peraturan serta dasar dalaman.

Kami tidak memohon persetujuan anda dalam kes sedemikian terutamanya supaya kami dapat memberikan perkhidmatan kepada anda dengan cara yang berkesan (atau dalam sesetengah kes adalah mustahil untuk kami memohon persetujuan kerana kami mesti memproses Data Peribadi, contohnya bagi pengesanan penipuan atau apabila dikehendaki oleh pihak penguatkuasa atau pihak berkuasa pengawal selia). Sebelum memproses Data Peribadi anda, kami akan mempertimbangkan hak anda dan hanya memulakan pemprosesan sedemikian jika kami berpendapat hak anda tidak akan terjejas.

DFP hanya akan memproses Data Peribadi Sensitif apabila:

- (a) persetujuan nyata untuk pemprosesan Data Peribadi Sensitif anda bagi tujuan tertentu diberikan; atau
- (b) pemprosesan tersebut diwajibkan oleh undang-undang, atau perlu bagi PETRONAS atau bagi anda untuk melaksanakan hak di bawah undang-undang pekerjaan dan undang-undang lain yang berkenaan.

Kami mungkin menggunakan kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin (ML) untuk menyokong pembuatan keputusan oleh manusia. AI/ML tidak akan digunakan untuk membuat keputusan yang menghasilkan kesan undang-undang yang signifikan terhadap pemohon.

### 3. Pendedahan Data Peribadi

DFP boleh memindahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga berkaitan dengan operasi perniagaan DFP termasuk, jika perlu, kepada Petroliaam Nasional Berhad dan subsidiari serta syarikat terkawalnya yang merangkumi syarikat di mana Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) mempunyai pegangan saham secara langsung atau tidak langsung, syarikat usaha sama di mana PETRONAS merupakan rakan usaha sama bukan pengawal dan syarikat bersekutu (mengikut mana yang berkenaan) dan/atau penyedia perkhidmatan yang dilantik olehnya, jika perlu, bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan di bawah perenggan 2 di atas.

DFP juga boleh mendedahkan Data Peribadi kepada penasihat luar (contohnya, peguam, akauntan dan juruaudit), agensi kerajaan dan pengawal selia (contohnya, pihak berkuasa cukai), organisasi sosial (contohnya, pentadbiran keselamatan sosial), penyedia faedah sumber manusia, Pemeriksa Perubatan Dilantik [AME] untuk pemeriksaan kesihatan, badan undang-undang/pengawalseliaan (contohnya SOCSO, KWSP), mahkamah, tribunal dan pihak berkuasa kerajaan, serta pihak ketiga yang dibenarkan, penyedia perkhidmatan dan/atau subkontraktor yang dilantik untuk menjalankan perkhidmatan pengambilan pekerja bagi pihak DFP atau setakat yang diperlukan oleh kewajipan undang-undang yang



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

berkenaan atau untuk mematuhi permintaan pihak penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa kerajaan.

Tambahan pula, kami mungkin mendedahkan data anda dalam bentuk tidak dikenal pasti kepada pihak ketiga, di mana tidak mungkin untuk mengenal pasti anda secara peribadi.

#### **4. Kawalan Keselamatan**

Kami komited untuk memastikan keselamatan Data Peribadi anda. Kami mempunyai langkah keselamatan yang munasabah untuk membantu melindungi maklumat di bawah kawalan kami daripada kehilangan, penyalahgunaan dan pengubahan. Walaupun kami tidak dapat menjamin bahawa kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahan data tidak akan berlaku, kami memastikan bahawa sistem kami mematuhi piawaian keselamatan pasaran untuk membantu melindungi daripada kejadian sedemikian. Walau bagaimanapun, anda juga harus sedar bahawa tiada kaedah penghantaran melalui internet atau kaedah penyimpanan elektronik yang benar-benar selamat. Walaupun keselamatan tidak dapat dijamin, kami berusaha untuk melindungi keselamatan Data Peribadi anda dan akan menyemak dan meningkatkan langkah keselamatan maklumat kami apabila perlu.

Walaupun bagaimanapun, anda perlu memastikan keselamatan kata laluan anda dan tidak mendedahkan perkara yang sama kepada pihak lain untuk mengelakkan sebarang pelanggaran data.

#### **5. Pemindahan Data Peribadi ke Luar Bidang Kuasa**

DFP dari semasa ke semasa boleh memindahkan Data Peribadi kepada mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan operasi perniagaan DFP bagi tujuan seperti yang diterangkan dalam perenggan 2 di atas, sama ada di dalam atau di luar bidang kuasa di mana DFP berada.

##### **(a) Pemindahan ke luar Malaysia**

DFP dari semasa ke semasa boleh memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia kepada pihak ketiga berkaitan dengan operasi perniagaan DFP, termasuk, jika perlu, Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS) dan entiti dalam kumpulan PETRONAS di mana pemindahan tersebut diperlukan bagi tujuan operasi, pentadbiran, tadbir urus atau tujuan perniagaan lain, serta penyedia perkhidmatan, rakan perniagaan atau pihak lain yang dilantik oleh DFP, bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan di bawah perenggan 2 di atas dan selaras dengan undang-undang yang terpakai.

Sekiranya kami memindahkan Data Peribadi anda ke luar Malaysia, kami akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa Data Peribadi tersebut dipindahkan ke negara



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

yang mempunyai undang-undang yang sebahagian besarnya serupa dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia ("PDPA"), atau ke negara yang mempunyai tahap perlindungan yang mencukupi setara dengan yang diperuntukkan oleh PDPA.

Apabila pemindahan sedemikian berlaku, DFP hendaklah memastikan bahawa penerima Data Peribadi tersebut memberikan tahap perlindungan yang setanding dengan yang diberikan oleh DFP berkenaan Data Peribadi yang kami kumpul, proses, simpan dan dedahkan.

#### **(b) Pemindahan ke luar Kawasan Ekonomi Eropah (EEA) dan Negara Lain**

Sebarang pemindahan Data Peribadi pekerja entiti PETRONAS dalam Kawasan Ekonomi Eropah ("EEA") ke negara di luar EEA yang tidak diiktiraf oleh Suruhanjaya Kesatuan Eropah ("EU") sebagai menyediakan tahap perlindungan data yang mencukupi mengikut maksud Peraturan Perlindungan Data Umum ("GDPR") akan dibuat tertakluk kepada "perlindungan yang sesuai" bagi memastikan keselamatan Data Peribadi anda.

Perlindungan yang sesuai termasuk:

- i. perjanjian undang-undang antara pihak berkuasa atau badan awam;
- ii. peraturan korporat yang mengikat;
- iii. kod kelakuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa penyeliaan;
- iv. mekanisme pensijilan yang diluluskan oleh pihak berkuasa penyeliaan; atau
- v. perjanjian pemindahan data berdasarkan klausa kontrak piawai Suruhanjaya EU untuk pemindahan data ke negara ketiga.

Sekiranya tiada keputusan kecukupan dan perlindungan yang sesuai tidak tersedia, pemindahan boleh dilakukan berdasarkan persetujuan anda. Dalam situasi sedemikian, kami akan memaklumkan anda tentang risiko yang mungkin timbul berkaitan pemindahan tersebut.

Sebagai alternatif, kami boleh memindahkan Data Peribadi anda jika perlu:

- i. berkaitan dengan pelaksanaan kontrak pekerjaan anda;
- ii. atas sebab kepentingan awam; atau
- iii. berkaitan dengan tuntutan undang-undang.

Bagi mengelakkan keraguan, peruntukan di atas juga akan terpakai apabila kami melaksanakan pemindahan seterusnya Data Peribadi kepada pihak ketiga berkaitan dengan operasi perniagaan DFP di luar EEA, termasuk, jika perlu, Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan entiti dalam kumpulan PETRONAS di mana pemindahan tersebut diperlukan bagi tujuan operasi, pentadbiran, tadbir urus atau tujuan perniagaan lain, serta



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

penyedia perkhidmatan, rakan perniagaan atau pihak lain yang dilantik oleh DFP (termasuk yang ditubuhkan di negara yang tidak diiktiraf oleh Suruhanjaya EU sebagai menyediakan tahap perlindungan data yang mencukupi dalam maksud GDPR).

## 6. Permohonan Tidak Berjaya

Jika permohonan anda tidak berjaya, kami akan menyimpan Data Peribadi anda selama satu (1) tahun dari tarikh permohonan atau resume anda diterima. Selepas itu, kami akan berhenti menyimpan Data Peribadi anda atau menghapuskan cara yang membolehkan Data Peribadi tersebut dikaitkan dengan anda melainkan dikehendaki di bawah undang-undang.

## 7. Permohonan Berjaya

Jika permohonan anda berjaya, kami akan memproses Data Peribadi anda bagi tujuan berkaitan pekerjaan dengan kami, selaras dengan Notis Privasi Pekerja kami.

Sekiranya terdapat tujuan baharu untuk pengumpulan Data Peribadi anda, kami akan memaklumkan anda dan mendapatkan persetujuan anda, jika perlu.

Jika anda memilih untuk tidak memberikan Data Peribadi kepada kami atau memberikan Data Peribadi yang tidak mencukupi, tidak sah, salah atau tidak tepat, atau enggan memberikan Data Peribadi yang kami perlukan, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda, dan ini boleh menjejaskan kebolehan anda untuk diambil bekerja.

DFP tidak akan mendedahkan maklumat yang diberikan oleh anda kepada pihak ketiga tanpa persetujuan anda selain daripada seperti yang dinyatakan dalam Notis ini atau dalam Kenyataan Privasi penuh kami di laman web DFP.

Untuk maklumat lanjut mengenai penyimpanan dan pemindahan Data Peribadi anda, hak anda berhubung dengan Data Peribadi anda, dan butiran hubungan pegawai privasi kami, sila baca Kenyataan Privasi penuh kami di laman web DFP.



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

## 8. Perubahan kepada Notis Privasi ini

Kami berhak untuk mengemas kini dan meminda Notis Privasi ini dari semasa ke semasa. Walaupun kami akan memaklumkan anda mengenai sebarang pindaan yang besar atau memberi impak kepada Notis Privasi ini, kami menggalakkan anda untuk menyemak laman sesawang DFP bagi mendapatkan versi terkini Notis Privasi ini. Anda boleh menentukan sama ada sebarang semakan telah dibuat dengan merujuk kepada tarikh Notis Privasi ini kali terakhir dikemas kini.

## 9. Bahasa

Selaras dengan keperluan undang-undang perlindungan data dan privasi di Malaysia, Notis Privasi ini dikeluarkan dalam versi Bahasa Inggeris serta versi Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

## 10. Bagaimana Anda Boleh Menghubungi Kami

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, komen atau permintaan berhubung Notis Privasi ini atau pemprosesan Data Peribadi anda, sila hubungi wakil atau jabatan DFP yang menguruskan penglibatan anda menggunakan butiran hubungan yang diberikan kepada anda.

Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami di:

**Dewan Filharmonik PETRONAS**

Aras Dua, Menara Dua,

Menara Berkembar PETRONAS, Kuala Lumpur City Centre,

50088 Kuala Lumpur, Malaysia

**Perhatian:** Jabatan Berkaitan / Pegawai Bertanggungjawab

**E-mel:** [E-mel Jabatan Berkaitan / Pegawai Bertanggungjawab]

**Salinan kepada:**

Pegawai Perlindungan Data

**E-mel:** [dataprivacydfpmpo@dfp.com.my](mailto:dataprivacydfpmpo@dfp.com.my)



### Jadual 1: Kategori Data Peribadi

Bergantung kepada jenis interaksi anda dengan DFP, Data Peribadi yang mungkin kami kumpul daripada anda adalah seperti yang dinyatakan di bawah. Dalam keadaan tertentu dan, jika dibenarkan, di bawah undang-undang tempatan yang berkaitan, kami juga boleh mengumpul dokumen sokongan yang berkaitan untuk mengesahkan maklumat yang dikumpulkan.

#### **Maklumat perhubungan**

- (a) Nama penuh
- (b) Gelaran dan/atau pangkat
- (c) Nombor telefon
- (d) Alamat rumah
- (e) Alamat e-mel

#### **Maklumat peribadi**

- (a) Jantina
- (b) Kewarganegaraan
- (c) Tarikh lahir
- (d) Salinan dan/atau nombor kad pengenalan dan/atau pasport
- (e) Status perkahwinan
- (f) Maklumat hubungan kecemasan/alternatif
- (g) Gambar dan bahan audiovisual lain, termasuk imej/rakaman yang ditangkap/dirakam pada CCTV atau sistem audio, video dan keselamatan/pemantauan berkaitan atau yang ditangkap semasa temu ramah, penilaian, acara/sesi pemasaran/pengggambaran awam (termasuk rakaman acara/sesi maya atau langsung), dan/atau rakaman audio video dan transkripsi semasa mesyuarat.

#### **Latar belakang pengalaman dan kelayakan akademik dan professional**

- (a) *Curriculum vitae* atau resume
- (b) Kelayakan dan sejarah pendidikan dan latihan dan pensijilan rasmi lain
- (c) Sejarah latihan
- (d) Kemahiran, pengalaman dan pensijilan, termasuklah kemahiran bahasa dan ciri-ciri lain

#### **Maklumat berkaitan pengambilan**

- (a) Sejarah pekerjaan



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

- (b) Tarikh mula pekerjaan
- (c) Tarikh penamatan pekerjaan dan sebab
- (d) Butiran pampasan
- (e) Jawatan dan maklumat organisasi
- (f) Borang penilaian temuduga
- (g) Rakaman CCTV dan maklumat lain yang diperolehi secara elektronik seperti rekod kad leret
- (h) Maklumat mengenai penggunaan sistem maklumat dan komunikasi kami oleh anda

#### Kategori Data Peribadi Sensitif

- (a) Maklumat tentang kesihatan, termasuk keadaan perubatan, rekod kesihatan dan penyakit, kesihatan fizikal dan/atau perubatan (untuk merakam ketidakhadiran yang berkaitan dengan keadaan kesihatan, dan untuk kelulusan pemeriksaan fizikal pra-pekerjaan)
- (b) Data biometrik termasuk pengecaman muka bagi tujuan pemberian akses kepada premis PETRONAS sahaja
- (c) Asal perkauman atau etnik
- (d) Orientasi seksual (yang boleh disimpulkan dengan pemprosesan status perkahwinan dan butiran pasangan)
- (e) Maklumat berhubung dengan sabitan jenayah (diproses sebagai sebahagian daripada proses permohonan)
- (f) Maklumat mengenai kepercayaan agama

#### PENGAKUAN DAN PERSETUJUAN

Sila tandakan kotak berikut sebagai tanda bahawa anda memahami dan memberikan persetujuan (tanpa persetujuan ini, kami tidak dapat memproses Data Peribadi anda):

- Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami kenyataan ini serta tujuan di mana DFP akan memproses Data Peribadi (termasuk Data Peribadi Sensitif). Saya dengan ini memberikan persetujuan secara nyata kepada DFP untuk memproses Data Peribadi saya (termasuk Data Peribadi Sensitif saya) selaras dengan Notis Privasi ini.
- Saya selanjutnya memberikan persetujuan kepada DFP untuk memproses Data Peribadi saya bagi tujuan pemasaran langsung, serta untuk menerima maklumat, bahan dan/atau dokumen berkaitan pemasaran, pengiklanan dan promosi mengenai produk dan/atau perkhidmatan DFP, atau produk dan/atau perkhidmatan oleh rakan perniagaan atau rakan



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

strategik DFP, termasuk sebarang promosi, program, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh DFP.